

bulletin

Majalah Rasmi Jabatan Pendaftaran Negara

NOVEMBER - DISEMBER 2018

BIL.4/2018

BULETIN JPN KINI LEBIH
BERINFORMASI!! IKUTI
MEDIA SOSIAL RASMI JPN
UNTUK PERKEMBANGAN
TERKINI!!

www.JPN.gov.my
[@JPN_official](https://twitter.com/JPN_official)
[@JPN_official](https://instagram.com/JPN_official)

SIMPOSIUM KECERGASAN DAN KECERDASAN

KURSUS PENY-
ELENGGARAAN
PROSES PERSON-
ALISASI MYKAD/
MYKID BAGI
CAWANGAN CE-
TAKAN TERAGIH
JPN

OPS HELANG 2018,
PULAU LANGKAWI
KEDAH

PROGRAM SOFT
LAUNCH PENEMPATAN
MESIN PER-
CETAKAN TERAGIH
JPN CAWANGAN
UTC PASIR GUDANG

EDITORIAL

PENAUNG
YBhg. Dato' Mohd Razin Bin Abdullah
PENASIHAT
YBrs. Tuan Mohamad Khir Bin Mat Lazam
YBrs. Tuan Hj Jasri Bin Kasim
KETUA EDITOR
Puan Farra Maya Binti Ahmad Jelani
PENOLONG KETUA EDITOR
Zuraini Binti Abdul Karim
SIDANG PENGARANG BAHAGIAN
EKA, BKPK, BKW, BPL, BTM, BPM, UKK, UI, BKPK, BPR, BSK.
JPN NEGERI
Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, N.Sembilan, Pahang, P.Pinang, Selangor, Terengganu,
Sabah, Sarawak, WP Kuala Lumpur, WP Labuan.
JURU GAMBAR
Amirul Mohamad Sazli Bin Kamaruzaman
GRAFIK/REKA LETAK
Mohd Firdaus Bin Mohd Fauzi
URUSETIA & EDARAN
Unit Komunikasi Korporat
TERBITAN
Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia Ibu Pejabat, No. 20,
Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62551 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Telefon: +603 8000 8000
Faksimili: +603 8880 8288
Email: pro@JPN.gov.my
Web: www.JPN.gov.my

Kandungan

bulletin

Majalah Rasmi Jabatan Pendaftaran Negara

- 4.**PENA KETUA EDITOR
- 5.**PERUTUSAN KETUA PENGARAH
- 6.**SIMPOSIUM KECERGASAN DAN KESIHATAN JPN BIL. 4/2018
- 8.**PROGRAM MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1440H/2018M
- 9.**KURSUS PENYELENGGARAAN PROSES PERSONALISASI MYKAD/ MYKID BAGI CAWANGAN CETAKAN TERAGIH JPN
- 11.**PROGRAM CUTI SEKOLAH ANJURAN PERPUSTAKAAN JABATAN PENDAFTARAN NEGARA DAN TASKA SERI PERDANA JPN
- 12.**OPS HELANG 2018, PULAU LANGKAWI KEDAH
- 13.**PELANCARAN MYKAD SIAP 30 MINIT
- 14.**PROGRAM "GERAK MESRA" PEMIMPIN BERSAMA MASYARAKAT ORANG ASLI SELETAR ANJURAN JAKOA
- 14.**PROGRAM KARNIVAL MINGGU UTC PASIR GUDANG
- 14.**PROGRAM USAHASAMA ANTARA JAKOA DAN JPN DI KAMPUNG ORANG ASLI
- 15.**LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL PERDAGANGAN JOHOR BAHRU
- 15.**PROGRAM SOFT LAUNCH PENEMPATAN MESIN PERCETAKAN TERAGIH JPN CAWANGAN UTC PASIR GUDANG
- 16.**PROGRAM HARI BERSAMA KOMUNITI
- 16.**LAWATAN KETUA PENGARAH JABATAN PENDAFTARAN NEGARA DI JPN KEDAH
- 17.**MAJLIS PELANCARAN PELAN DAN KAD TAKAFUL JPN NEGERI KELANTAN
- 17.**MAJLIS PENYERAHAN SIJIL WARGANEGARA DAN SIJIL PENGESAHAN TARAF
- WARGANEGARA
- 18.**MEKAR - MENYEMAI KASIH RAKYAT
- 18.**MOH WAGHIH SIHAT
- 19.**PROGRAM BERSAMA RAKYAT
- 19.**MINGGU INOVASI PERINGKAT NEGERI SEMBILAN
- 20.**PRELOVED 2.0
- 20.**HARI BERTEMU PELANGGAN
- 20.**ZIARAH UI
- 20.**PERHIMPUNAN BULANAN
- 21.**SAMBUTAN MA'AL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN
- 21.**LAWATAN PENANDA ARAS EKSA
- 21.**LAWATAN PENANDA ARAS EKSA
- 22.**SESI PERBINCANGAN DUA HALA JPN PULAU PINANG DENGAN PIHAK PENGHULU
- 22.**PERHIMPUNAN BULANAN BIL 6/2018
- 23.**IPOH PERANGI AEDES 2.0
- 23.**PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH (DTP)
- 24.**LAWATAN DATO' KPPN KE JPN NEGERI SELANGOR
- 24.**PELEPASAN ATLET JPN NEGERI SELANGOR
- 25.**SERAH SIJIL KEMATIAN ANGGOTA BOMBA
- 25.**SERAH SIJIL KEMATIAN ANGGOTA BOMBA
- 25.**KARNIVAL KEBUDAYAAN ORANG ASLI
- 26.**ASPIRASI NEGERIKU
- 26.**OUTREACH KARNIVAL INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR) DUN KUANG
- 26.**SUKAN DALAMAN MADAH
- 26.**OPERASI BERSEPADU
- 27.**TEMU MESRA JPN BERSAMA AGENSI & MEDIA
- 27.**KEMPEN E-PAYMENT
- 28.**SESI AMANAT BERSAMA PEGAWAI LANTIKAN BAHARU
- 28.**KUNJUNGAN HORMAT YB. PUAN JANNIE LASIMBANG
- 28.**PAMERAN TAMU BESAR
- 28.**PESTA KUBIS SABAH
- 29.**PERHIMPUNAN BULANAN NOV / DIS
- 29.**PROGRAM MENYEMAI KASIH RAKYAT MEKAR
- 30.**PROGRAM MOBILE EHSAN JPN JOHOR
- 30.**JPN KELANTAN TURUN PADANG BANTU 3 ANAK TIADA SIJIL LAHIR
- 31.**PERKHIDMATAN MOBILE EHSAN KAD PENGENALAN DI KUALA KANGSAR, PERAK
- 31.**MOBILE EHSAN SEKITAR RAWANG, SG. CHOH DAN SHAH ALAM



PENA KETUA EDITOR

Fara Maya Binti Ahmad Jelani
Ketua Editor

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Ilahi, Buletin JPN Bil.4/2018 berjaya diterbitkan untuk berkongsi maklumat dan aktiviti JPN bagi suku tahun keempat 2018.

Untuk julung kalinya Buletin JPN tidak lagi dicetak tetapi kali ini diterbitkan secara digital. Selain bagi tujuan penjimatan, Buletin JPN secara digital ini dilihat akan memberikan lebih peluang untuk dibaca dan disimpan oleh kesemua warga JPN memandangkan ia boleh diperolehi melalui intranet JPN.

Dengan perkongsian aktiviti dan program Jabatan seluruh Negara, adalah diharapkan semua warga JPN dapat berkongsi suka duka memberi perkhidmatan kepada rakyat Malaysia untuk tatapan kita bersama. Terima kasih kepada barisan penulis artikel dari Bahagian dan Negeri yang telah memberikan komitmen terbaik dalam memastikan Buletin kali ini dapat diterbitkan seperti adanya.

Di kesempatan ini saya turut mengalukan idea bernes dari semua warga JPN untuk memberikan cadangan bagi menambahbaik Buletin JPN di masa akan datang. Sekian.

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

YBhg. Dato Mohd Razin Bin Abdullah
Ketua Pengarah Pendaftaran Negara

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA

Tahniah kepada sidang pengarang dan editor di atas penerbitan Buletin JPN Bil.3/2018. Buletin ini merangkumi pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat dan negeri sepanjang suku tahun ketiga tahun 2018.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pemenang Kejohanan Simposium Kecergasan Dan Kecerdasan 2018. Semoga kemenangan ini menjadi pendorong kepada semua warga kerja yang lain untuk terus berusaha mempertingkatkan kesihatan disamping produktiviti dan mutu kerja dalam meningkatkan imej JPN.

Sebagai pemegang amanah besar menjaga dokumen pengenalan diri warganegara Malaysia saya menyeru seluruh warga JPN untuk sentiasa memegang teguh amanah Negara, kekal berintegriti dan berkhidmat dengan jujur.

Selain itu, kepada semua warga JPN, teruskan memberi perkhidmatan yang berkualiti dan terbaik kepada orang ramai. Sebagai kakitangan barisan hadapan, pelbagai isu dan perangai pelanggan yang perlu dihadapi. Walau kadangkala sukar, saya percaya semua petugas kaunter Adalah diharapkan usaha memantapkan lagi petugas kaunter JPN ini akan membawa hasilnya.

Akhir kata, semangat yang kuat mampu mengatasi apa sahaja cabaran yang datang. Selagi kita mencuba dan berusaha, selagi itulah kita akan beroleh apa yang kita hajati. "Rakyat Di Hati JPN".

Sekian.





SIMPOSIUM KECERGASAN DAN KESIHATAN JPN BIL. 4/2018

Melaka • 16 November

Bahagian Latihan telah menganjurkan Simposium Kecergasan dan Kesihatan JPN Bil. 4/2018 di Universiti Teknikal Melaka (UTEM) melibatkan peserta dari JPN seluruh Malaysia. Program ini bertujuan untuk membudayakan aktiviti kecergasan dan kesihatan dalam kalangan kakitangan JPN di samping dapat mengukuhkan kerjasama dan perhubungan antara kakitangan JPN.







PROGRAM MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1440H/2018M

Putrajaya • 20 November

Program Maulidur Rasul SAW 1440H/2018M telah diadakan pada 20 November 2018 (Selasa) mulai jam 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Seramai 44 orang peserta (32 lelaki/12 wanita) termasuk TKPPN(P) dan TKPPN(O) telah hadir majlis tersebut. Majlis Maulidur Rasul SAW ini telah dirasmikan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah dan tema bagi tahun ini ialah "Menyantuni Umat Membawa Rahmat".





KURSUS PENYELENGGARAAN PROSES PERSONALISASI MYKAD/ MYKID BAGI CAWANGAN CETAKAN TERAGIH JPN

Kuala Lumpur • 28 Oktober

Sejak tahun 2012 percetakan teragih *MyKad*/MyKid di Ibu Pejabat JPN Putrajaya, 36 Pejabat JPN yang merangkumi Pejabat Ibu Negeri/Daerah JPN dan di 20 UTC JPN seluruh Malaysia telah dilaksanakan.

Pusat Percetakan Teragih (DPP) adalah cawangan yang mempunyai kemudahan percetakan *MyKad* dan MyKid; dimana tempoh siap *MyKad* dipendekkan daripada 10 hari (Semenanjung) dan 30 hari (Sabah dan Sarawak) kepada 30 minit; manakala 2 bulan kepada 24 jam untuk MyKid. Oleh itu bagi mencapai tempoh yang telah ditetapkan, pegawai yang bertugas

terutama secara langsung untuk penghasilan percetakan *MyKad*/MyKid mesti diberi pendedahan/pemindahan teknologi berkaitan perkara ini supaya dapat memastikan kualiti *MyKad*/MyKid yang dicetak adalah terbaik serta menepati/mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan.

Selari dengan perkara diatas, kursus yang diadakan ini adalah salah satu sesi daripada tiga (3) sesi Pemindahan Teknologi dan Latihan yang perlu diadakan setiap tahun yang termaktub dalam kontrak Perkhidmatan Penyelenggaraan Pusat Pengeluaran Kad di Jabatan Pendaftaran Negara. Kursus ini merupakan satu metodologi perkongsian ilmu melalui

pemindahan teknologi dan latihan yang diperlukan untuk memberi pengetahuan kepada pegawai-pegawai baru/lama. Kursus ini juga dapat meningkatkan pengetahuan serta kemahiran pegawai yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan operasi percetakan *MyKad*/MyKid di semua cawangan JPN.

Sesi kursus ini adalah lebih tertumpu untuk pegawai yang bertugas di bilik cetak Pusat Percetakan Teragih cawangan-cawangan JPN bagi pemprosesan dan pengeluaran *MyKad*/MyKid. Seramai 119 orang peserta yang terdiri daripada pegawai di Ibu Pejabat JPN Putrajaya iaitu BKP, BKA dan BKPK, pegawai daripada 36 cawangan Negeri/

Daerah JPN dan pegawai daripada 20 UTC JPN yang telah menghadiri kursus ini selama tiga (3) hari bermula 28 hingga 30 Oktober 2018 bertempat di Melia Hotel, Kuala Lumpur.

Kursus selama tiga (3) hari yang telah dilaksanakan ini amat bermanfaat kerana dapat memberi peluang dan platform kepada peserta untuk berinteraksi, berkongsi pengalaman, pengetahuan, membincangkan dan mendapatkan maklumat perkara-perkara berkaitan bilik cetak seperti peraturan yang perlu dipatuhi, isu/masalah yang dihadapi dan lain-lain. Peserta juga bersama-sama dapat mengutarakan pandangan dan idea untuk penambahbaikan dalam melaksanakan tugas bagi memastikan hasil yang terbaik dan tempoh yang telah ditetapkan dapat dicapai.



PROGRAM CUTI SEKOLAH ANJURAN PERPUSTAKAAN JABATAN PENDAFTARAN NEGARA DAN TASKA SERI PERDANA JPN



Putrajaya •13 Disember

Perpustakaan JPN dengan kerjasama Taska Seri Perdana JPN telah mengadakan Program Cuti Sekolah untuk anak-anak warga Ibu Pejabat JPN Putrajaya. Program Cuti Sekolah ini diadakan bertujuan mengisi masa lapang anak-anak warga JPN dengan perkara-perkara yang berfaedah disamping mengasah bakat dan kreativiti. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah Pertandingan Mewarna dan Pertandingan Mencipta Dialog.

Program ini telah disertai seramai 70 orang anak-anak warga JPN Ibu Pejabat Putrajaya. Program ini telah diadakan di sekitar Perpustakaan JPN dan Bahagian Latihan JPN di Aras 3, Ibu Pejabat JPN Putrajaya. Keputusan pemenang dan penyampaian hadiah program ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Mohamad Khir bin Mat Lazim, Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara.





Langkawi • 2 Oktober

Satu operasi yang dinamakan Ops Helang 2018 telah diadakan pada 2 hingga 4 Oktober 2018 bertempat di Pulau Langkawi, Kedah. Operasi ini diselaraskan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Ibu Pejabat Putrajaya dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan yang lain termasuk Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan

Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dan juga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang melibatkan lebih 300 anggota. Tujuan operasi bersepada ini diadakan adalah bertujuan untuk membanteras penyalahgunaan dan pengedaran dadah di kawasan berfokus secara total bersama agensi penguatkuasaan serta lain-lain jabatan.

Operasi berterusan selama 3 hari berkenaan turut disertai oleh 4

orang anggota Bahagian Siasatan Dan Penguatkuasaan (BSK) JPN Putrajaya dan 3 orang anggota BSK JPN Negeri Kedah. Operasi ini juga turut dihadiri sendiri oleh Pengarah Bahagian Siasatan Dan Penguatkuasaan (BSK) En. Muhammad Matori bin Ali. Sebanyak 324 pemeriksaan telah dilakukan dengan sejumlah 274 tangkapan dibuat oleh pihak Agensi Anti dadah Kebangsaan (AADK) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang melibatkan penegah tegar dan pengedar dadah.

PELANCARAN MYKAD SIAP 30 MINIT

Putrajaya • 4 Oktober

Pelancaran **MyKad** Siap 30 Minit telah disempurnakan oleh YB Datuk Mohd Azis bin Jamman, Timbalan Menteri Dalam Negeri di Sambutan Hari Pendaftaran Negara Tahun 2018 pada 4 Oktober 2018 yang lalu bertempat di Dewan Balora Perdana JPN Putrajaya.

Evolusi pengeluaran Kad Pengenalan telah mengalami banyak perubahan selaras dengan perkembangan teknologi dan peningkatan ciri-ciri keselamatan. Bermula awal tahun 2001 menyaksikan teknologi percetakan **MyKad** telah dinaiktaraf sepenuhnya dengan menggunakan teknologi terkini. Semua percetakan dilaksanakan secara berpusat di Ibu Pejabat JPN Putrajaya dengan tempoh siap **MyKad** untuk serahan mengambil masa 10 hari bekerja di Semenanjung Malaysia dan 30 hari bekerja di Sabah dan Sarawak.

Sistem ini sekali lagi ditambah baik pada tahun 2010 menerusi pelaksanaan Projek Percetakan Teragih **MyKad** (Projek DPP) yang dilaksanakan secara berperingkat. Sehingga kini, sebanyak 55 pejabat JPN di seluruh negara telah dibekalkan dengan sekurang-kurangnya dua mesin pencetak bagi mencetak permohonan **MyKad** yang dipohon di Pejabat DPP. Menerusi projek ini, tempoh siap **MyKad** dapat dipendekkan kepada 24 jam.

Bagi meningkatkan lagi prestasi sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang awam, JPN sekali lagi mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Projek Hab Percetakan Teragih **MyKad** (Projek Hab DPP). Projek Hab DPP merupakan penambahbaikan terhadap Projek DPP di mana

sebanyak 37 pejabat DPP yang terlibat akan mencetak permohonan **MyKad** bagi pejabat-pejabat yang berdekatan. Tempoh siap **MyKad** untuk serahan bagi pejabat-pejabat ini telah dapat dipendekkan daripada 10 hari bekerja kepada hanya 5 hari bekerja di Semenanjung Malaysia dan daripada 30 hari bekerja kepada hanya 7 hari bekerja di Sabah dan Sarawak.

Pelaksanaan Projek Hab DPP ternyata memberi impak besar kepada rakyat kerana mampu menjimatkan masa dan membolehkan rakyat melakukan transaksi rasmi yang memerlukan pengesahan maklumat diri melalui **MyKad** serta memperolehi kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan dengan lebih cepat dan pantas. Projek ini juga memberi manfaat dari segi penjimatan kos, pengurusan masa dan penggunaan sumber sedia ada secara optimum kepada JPN.

Sejajar dengan slogan 'Rakyat di Hati JPN', JPN sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada semua rakyat Malaysia dengan melakukan penambahbaikan ke atas perkhidmatannya dari semasa ke semasa.

JPN telah mempercepatkan tempoh siap **MyKad** bagi serahan di Ibu Pejabat JPN dan di 55 Pejabat Cetakan Teragih (DPP) iaitu daripada tempoh masa 45 minit kepada

tempoh masa 30 minit selepas proses permohonan selesai seperti yang telah diumumkan oleh YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Muhammad Yassin, Menteri Dalam Negeri. Walaupun tempoh siap **MyKad** untuk serahan ini dipercepatkan, aspek keselamatan dan kualiti **MyKad** sentiasa diutamakan.

Seiring dengan hasrat Kerajaan yang mementingkan usaha ke arah meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam ke tahap yang lebih tinggi dan cemerlang, JPN sebagai agensi barisan hadapan dan dekat dengan rakyat akan terus memastikan perkhidmatan yang diberi adalah yang terbaik kepada rakyat.

SENARAI PEJABAT JPN TEMPOH MYKAD SIAP

MyKad Siap 30 minit di JPN Ibu Pejabat JPN Putrajaya, Ibu Negeri, UTC dan Cawangan Terpilih* Cawangan Terpilih* :

JPN Daerah Batu Pahat, JPN Daerah Kluang, JPN Daerah Kota Tinggi, JPN Daerah Machang, JPN Daerah Raub, JPN Daerah Temerloh, JPN Daerah Bagan Datuk, JPN Daerah Larut Matang Dan Selama, JPN Daerah Manjung, JPN Cawangan Bertam, JPN Daerah Sandakan, JPN Bahagian Bintulu, JPN Bahagian Sarikei, JPN Bahagian Sri Aman, JPN Daerah Klang, JPN Daerah Besut, JPN Daerah Dungun.



PROGRAM “GERAK MESRA” PEMIMPIN BERSAMA MASYARAKAT ORANG ASLI SELETAR ANJURAN JAKOA



Johor • 9 Oktober

Bertempat di Kampung Orang Asli sungai Temon, Sungai Danga Johor telah berlangsung Program “Gerak Mesra” Pemimpin Bersama Masyarakat Orang Asli Seletar Bersama Agensi Kerajaan yang di anjurkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) . Seramai 4 orang dari JPN Johor telah membuka

pameran , kaunter khidmat nasihat, Antara agensi lain yang membuat pameran adalah dari Kolej Komuniti Pasir Gudang dan Jabatan Bomba Malaysia. Terdapat juga aktiviti seperti demo masakan, ceramah motivasi, Demo kebakaran oleh Jabatan Bomba dan sukaneka dikalangan penduduk setempat. Program ini telah dirasmikan oleh ADUN Perling YB Cheo Yee How.

PROGRAM KARNIVAL MINGGU UTC PASIR GUDANG



Johor • 10 - 14 Oktober

Bertempat di Kompleks Pusat Bandar & UTC Pasir Gudang Johor telah berlangsung Karnival Minggu UTC. Program tersebut telah dirasmikan oleh ADUN Permas Yang Berhormat Dato Seri Che Zakariah Mohd Salleh. Seramai 5 orang dari JPN Johor telah membuka pameran dan kaunter khidmat nasihat, Antara agensi lain yang membuat pameran adalah dari Jabatan Imigresen Malaysia, Tabung Haji, Majlis Agama Islam Johor, Hospital Penawar, Kaunter Muafakat Johor dan TEKUN Nasional. Terdapat juga aktiviti seperti ceramah dan pemeriksaan kesihatan dari Hospital Penawar.

PROGRAM USAHASAMA ANTARA JAKOA DAN JPN DI KAMPUNG ORANG ASLI



Johor • 23-25 Oktober

Satu Program Usahasama Antara JAKOA Dan Jabatan Pendaftaran Negara Di Kampung Orang Asli telah diadakan dengan kerjasama Team Bus Mobile JPN Ibupejabat Putrajaya.

Antara kampung yang terlibat ialah Kampung Orang Asli Telok Kabong Paisr Gudang, Kampung Orang Asli Bakar Batu Taman Perlindungan dan Kampung Orang Asli Simpang Arang Gelang Patah.

Selain itu, program tersebut juga melibatkan agensi kerajaan yang lain seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Klinik Pergigian

Antara perkhidmatan JPN yang disediakan seperti khidmat nasihat berkenaan Permohonan Daftar Kelahiran, Kad Pengenalan, Perkahwinan serta Warganegara.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL PERDAGANGAN JOHOR BAHRU



Johor • 27 November

Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Johor telah menerima lawatan sambil belajar seramai 15 orang dari Kolej Vokasional Perdagangan Johor Bahru.

Dalam lawatan tersebut para pelajar telah diberi penerangan oleh Encik Masam Anak Makong dan Puan Mazlinda Binti Ahamad Norani mengenai sejarah Jabatan Pendaftaran Negara, perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan kepada orang awam, cara-cara menjaga dokumen yang dikeluarkan oleh JPN sijil kelahiran dan Mykad.



PROGRAM SOFT LAUNCH PENEMPATAN MESIN PERCETAKAN TERAGIH JPN CAWANGAN UTC PASIR GUDANG

Johor • 29 Disember

Berlangsungnya Program Soft Launch Penempatan Mesin Percetakan Teragih di JPN Cawangan UTC Pasir Gudang. Acara tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Pendaftaran Negara Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Mohammad Razin Bin Abdullah.

Dalam majlis tersebut telah diadakan penyampaian dokumen JPN kepada pelanggan seperti sijil kelahiran, Mykad serta surat kelulusan warganegara. Dato' Mohammad Razin juga sempat beramah mesra bersama kakitangan JPN UTC Pasir Gudang serta pelanggan yang hadir pada hari kejadian.



PROGRAM HARI BERSAMA KOMUNITI



Kedah • 21 Oktober

Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Kedah telah dijemput oleh Pusat Internet 1 Malaysia (PS1M) ke Program Hari Bersama Komuniti bagi memberi perkhidmatan proses gantian kad pengenalan serta pameran jabatan kepada penduduk komuniti setempat. Program ini dianjurkan selama 3 hari di daerah Kuala Nerang iaitu di Pusat Internet Kampung Perik, Pusat internet Kampung Musa dan Pusat Internet

Kampung Belukar Luas. Program ini juga turut melibatkan agensi lain seperti Tabung Haji, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta Jabatan Kesihatan. Antara tujuan utama program ini adalah untuk memberi perkhidmatan terus kepada komuniti setempat terutamanya di kawasan pedalaman yang sukar untuk ke pejabat. Selain itu, Program ini juga dapat mengeratkan hubungan antara agensi-agensi dan masyarakat setempat.

LAWATAN KETUA PENGARAH JABATAN PENDAFTARAN NEGARA DI JPN KEDAH



Kedah • 11 November

Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Kedah telah menerima lawatan daripada Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia (KPPN), iaitu Dato' Mohammad Razin bin Abdullah. Sepanjang lawatan Dato' KPPN turun padang ke Program Gerak Mesra Bersama Komuniti di SMK Tunku Abdul Aziz yang dirasmikan oleh Dato' Dr Ismail bin Salleh, Exco Kerajaan Negeri Kedah / Adun Pengkalan Kundor bagi menyampaikan sijil warganegara, sijil lahir serta dokumen pengenalan diri kepada

penerima. Sesi lawatan Dato' KPPN diteruskan dengan serahan dokumen pengenalan diri kepada seorang warga emas di Jalan Padang Sanai, Kuala Nerang, Kedah. Dikesempatan ini juga Dato' KPPN sempat singgah dan beramah mesra dengan kakitangan di JPN Pokok Sena, JPN Padang Terap dan JPN Yan.



MAJLIS PELANCARAN PELAN DAN KAD TAKAFUL JPN NEGERI KELANTAN

Kelantan • 7 November

JPN Kelantan telah berbesar hati menerima kunjungan daripada Y.Bhg Dato' Mohd Razin Bin Abdullah, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara Malaysia.

Program pertama yang telah diatur dalam lawatan kerja Y.Bhg Dato' KPPN, JPN Kelantan telah mengadakan Majlis Pelancaran Pelan dan Kad Takaful bagi perlindungan dan kebaikan pegawai dan kakitangan JPN Kelantan.

Majlis Pelancaran ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg Dato' KPPN serta turut dihadiri oleh Puan Asrehan Binti Ab Razak serta pegawai JPN Kelantan. Majlis Pelancaran ini telah diadakan di pejabat JPN UTC Kelantan.



MAJLIS PENYERAHAN SIJIL WARGANEGARA DAN SIJIL PENGESAHAN TARAF WARGANEGARA

Kelantan • 7 November

JPN Kelantan telah berbesar hati menerima kunjungan daripada Y.Bhg Dato' Mohd Razin Bin Abdullah, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara Malaysia. Lawatan Y.Bhg Dato' KPPN bermula 7 November 2018 hingga 9 November 2018

Majlis Penyerahan Sijil Warganegara kepada penerima-penerima telah diadakan di UTC Kelantan. Seramai 5 orang penerima telah hadir untuk menerima sijil wargaengara Malaysia yang disampaikan sendiri oleh Y.Bhg Dato' Mohd Razin Bin Abdullah, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara Malaysia.





MEKAR - MENYEMAI KASIH RAKYAT

Kelantan • 8 November

JPN Kelantan telah mengadakan Program Menyemai Kasih Rakyat yang mana program tersebut telah diadakan di Pulau Teluk Renjuna Tumpat Kelantan.

Program ini adalah sambungan daripada program kembara kasih yang telah JPN Kelantan bersama-sama Skuad Kembara JPN Putrajaya adakan pada 25 Oktober 2018.

Y.Bhg Dato' berkesudian untuk merasmikan serta menyerahkan ic

siap kepada penduduk pulau tersebut. Di dalam program ini juga, Y.Bhg Dato' KPPN turut menyerahkan sijil Perlantikan Rakan Komuniti kepada Encik Ruslan Bin Ismail. Perlantikan ini sebagai pengiktirafan kepada Encik Ruslan Bin Ismail yang telah membantu Jabatan Pendaftaran Negara bagi menjayakan program kembara mobile serta program mesra kasih rakyat (MEKAR).

YBhg Dato' KPPN turut juga bermotiskal ke rumah warga emas di pulau tersebut untuk sesi penyerahan **MyKad**.



MOH WAGHIH SIHAT

N.Sembilan • 27 & 28 Oktober

Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sembilan telah mengadakan pameran bagi Program Ekspo "Moh Waghih Sihat : Sihat Milikku bertempat di Dewan Besar Gemas, Tampin bermula pada jam 8.00 pagi – 5.00 petang yang dirasmikan oleh Y.A.B Tuan Haji Aminuddin Bin Harun Menteri Besar Negeri Sembilan.

7 orang kakitangan telah terlibat pada hari tersebut daripada JPN Daerah dan JPN Negeri Sembilan.

Antara perkhidmatan yang disediakan ialah permohonan kad pengenalan, khidmat nasihat, permohonan perkahwinan dan perceraian, permohonan daftar kelahiran, permohonan daftar kematian dan permohonan warganegara.



PROGRAM BERSAMA RAKYAT

N.Sembilan • 06 Oktober

Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sembilan telah menyediakan perkhidmatan kaunter pertanyaan sempena Program Bersama Rakyat Dun Chuah bertempat di Dewan Dato' Lee Tian Hock Sjk@Yik Chiao, Bukit Pelanduk, Port Dickson yang dianjurkan oleh YB Michael Yek Diew Ching. Program Bersama Rakyat Dun Chuah ini bermula pada jam 9.00 pagi – 5.00 petang. Antara perkhidmatan yang disediakan ialah permohonan kad pengenalan, khidmat nasihat, permohonan perkahwinan dan perceraian, permohonan daftar kelahiran, permohonan daftar kematian dan permohonan warganegara.



MINGGU INOVASI PERINGKAT NEGERI SEMBILAN



N.Sembilan • 20 - 21 Oktober

Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sembilan telah mengadakan pameran bagi Program Hari Bertemu Pelanggan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Sempena Minggu Inovasi Peringkat Negeri Sembilan bertempat di Dewan Wawasan Politeknik Port Dickson bermula pada jam 8.00 pagi – 5.00 petang. Antara perkhidmatan yang disediakan ialah permohonan kad pengenalan, khidmat nasihat, permohonan perkahwinan dan perceraian, permohonan daftar kelahiran, permohonan daftar kematian dan permohonan warganegara.

PRELOVED 2.0

Pahang • 21 Disember

Biro Ekonomi Majlis Kebajikan, Riadah dan Kebudayaan (MADAH) telah mengadakan Jualan Preloved 2.0 kepada semua warga Kompleks KDN. Jualan tersebut telah diadakan pada 21.12.2018 bertempat Lobi Kompleks KDN. Pelbagai jualan dan juadah ada dijual semasa program berlangsung.



HARI BERTEMU PELANGGAN



Pahang • 12 Disember

Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Pahang amat komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Oleh yang demikian Perlaksanaan Hari Bertemu Pelanggan (HBP) terus dilaksanakan bagi mempromosi perkhidmatan Jabatan Pendaftaran Negeri ini.

Penganjuran Hari Bertemu Pelanggan JPN Pahang telah dilaksanakan di Megamall Kuantan dari jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang. Seramai lima orang petugas dari semua Bahagian Urusniaga Utama termasuk seorang petugas dari Unit Khidmat Pelanggan. Program ini diadakan bertujuan bagi memberi peluang kepada orang awam mengemukakan sebarang aduan dan pertanyaan mengenai perkhidmatan JPN.

ZIARAH UI



Pahang • 18 Disember

Penolong Pengarah Bahagian Kelahiran, Kematian & Anakangkat (BKA) JPN Negeri Pahang serta wakil kakitangan dari JPN Putrajaya telah menziarahi En Rashid bin Hamzah Mantan Pengarah Unit Integriti yang telah menjalani pembedahan di Hospital UIA, Kuantan. Didoakan semoga beliau cepat sembuh seperti sediakala.

PERHIMPUNAN BULANAN

Pahang • 07 Disember

Perhimpunan Bulanan JPN Pahang bagi Bulan Disember telah diadakan pada 7.12.2018 bertempat Dewan Kompleks KDN, Kuantan. Majlis telah dihadiri oleh Pengarah Pahang, Puan Juzilawati binti Kamarudin dan telah memberikan rumusan prestasi kerja tahunan bagi tahun 2018.

Beberapa program telah dimasukkan antaranya sambutan hari lahir bulanan, sesi pengenalan pegawai yang baru bertugas dan sesi pengucapan awam.



SAMBUTAN MA'AL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN

P.Pinang • 20 November

Majlis sambutan Ma'al Hijrah peringkat kebangsaan tahun 1440H/2018M telah diadakan pada 20 november 2018 (selasa) bertempat di Kolej Kemahiran Mara Balik Pulau,Pulau Pinang .seramai 44 orang pegawai dan kakitangan ibu pejabat jabatan pendaftaran negara negeri pulau pinang telah menyertai perarakan tersebut.tema sambutan pada tahun ini ialah " Menyantuni Umat Membawa Rahmat ".



LAWATAN PENANDA ARAS EKSA



P.Pinang • 27 November

Lawatan penanda aras eksa dari Jabatan Kerja Raya Negeri Perak ke JPN Negeri Pulau Pinang diketuai oleh Pengarah JKR Negeri Perak dan diiringi seramai 40 kakitangan .Rombongan JKR sampai ke JPN Pulau Pinang pada jam 10 pagi dan berakhir pada jam 12.30 tengah hari. Peserta disambut oleh pengarah JPN Pulau Pinang dan barisan jawatankuasa EKSA JPN Pulau Pinang.Program dimulakan dengan menyampaian taklimat ringkas oleh Encik Mohd Faizul Bin Arifin Penolong Pengarah JPN Pulau Pinang selaku wakil EKSA JPN Pulau Pinang .Kemudian sesi lawatan di sekitar pejabat JPN Pulau Pinang

.pertukaran plug dan sesi bergambar secara keseluruhannya,lawatan tersebut telah berjaya meninggalkan kesedaran dan motivasi kepada peserta untuk terus bergerak aktif dalam EKSA di pejabat masing-masing dengan lebih efisen dan efektif.



LAWATAN PENANDA ARAS EKSA

P.Pinang • 07 November 2018

Hari bertemu pelanggan yang bertempat di Tapak Ruang Legar, KOMTAR Aras 3,Bangunan KOMTAR,Pulau Pinang. seramai seramai 9 orang pelanggan yang hadir pada hari tersebut .Khidmat nasihat seramai 15 orang. petanyaan yang kerap diajukan ialah tentang prosidur daftar lewat kelahiran,cabutan sijil lahir,prosidur gantian mykad rosak dan tukar alamat serta prosidur permohonan mykid.Petugas pada program tersebut seramai 4 orang.

SESI PERBINCANGAN DUA HALA JPN PULAU PINANG DENGAN PIHAK PENGHULU



P.Pinang 10 Oktober 2018

Bertempat di Bilik Gerakan, Aras 4, Bangunan Persekutuan Jalan Anson, Georgetown, Pulau Pinang JPN Pulau Pinang telah menjadi urusetia kepada sesi perbincangan dua hala melibatkan penghulu di Pulau Pinang. Tujuan utama sesi perbincangan ini adalah bagi

memfokuskan kepada beberapa perkara utama iaitu keperluan pengesahan penghulu bagi dokumen melibatkan permohonan daftar lewat kelahiran dan daftar lewat kad pengenalan. Sokongan daripada penghulu berkaitan pengesahan individu kategori miskin atau tidak mampu untuk mendapatkan pengecualian fi bayaran kehilangan



mykad juga dibincangkan. Program ini juga merupakan kaedah bersemuka yang dimana JPN dapat berinteraksi secara terus kepada penghulu dengan menyampaikan maklumat dan perkhidmatan yang terbaik serta memberikan layanan dan penerangan dalam setiap pertanyaan yang diajukan.

PERHIMPUNAN BULANAN BIL 6/2018



P.Pinang 11 Oktober 2018

Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Pulau Pinang, Bahagian flexi bka & bkp telah mengadakan perhimpunan bulanan bil 6/2018 dan majlis sambutan hari lahir kakitangan pada bulan September dan Oktober 2018 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Aras 3 Bangunan Persekutuan Jalan Anson Pulau Pinang bermula jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Seramai 62 orang warga JPN Negeri, daerah dan cawangan telah menghadiri program tersebut yang turut dihadiri oleh Puan Nur Zulfa Binti Ibrahim, Pengarah JPN Negeri Pulau Pinang. Perhimpunan bulanan pada kali ini berjalan dengan lancarnya.

IPOH PERANGI AEDES 2.0

Perak • 29 November

Program Gotong-Royong Mega Perangi Aedes 2.0 bagi tahun 2018 telah diadakan di pejabat Jabatan Pendaftaran Negara Lenggong, Perak yang telah diketuai oleh Pengarah JPN Perak, YM Raja Azlal bin Raja Azman. Program ini telah melibatkan 15 kakitangan JPN Ipoh dan JPN Lenggong yang telah bersama-sama berganding bahu membersihkan perkarangan pejabat dan kuarters JPN Lenggong.

Usaha kumpulan ini adalah memastikan kawasan pejabat dan kuarters JPN bebas dari sampah-sarap dan semak-samun yang boleh mengundang nyamuk, lebih-lebih lagi nyamuk aedes. Ini adalah sejajar dengan moto Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu "Tiada Nyamuk, Tiada Denggi". Usaha-usaha seperti akan diteruskan di semua pejabat di JPN Perak di masa hadapan.



PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH (DTP)



Selangor • 8-9 November

Sempena Program Transformasi Daerah (DTP) – Transformasi Kualiti Dan Inovasi Pendidikan Selangor Terbilang pada 8 dan 9 November 2018 (Khamis dan jumaat) yang bertempat di Perkarangan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Program tersebut turut dihadiri oleh Pengarah Pendidikan Negeri Selangor iaitu Tuan Haji Mohd Salleh Bin Mohd Kassim

Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Selangor telah turut serta

pada program tersebut dengan mengadakan pameran yang berlangsung selama dua hari.

Program tersebut bertujuan mengetengahkan bakat-bakat baru dari setiap sekolah seluruh negeri Selangor dalam memperkenalkan ciptaan kreativiti dan inovasi mereka kepada pengunjung yang hadir.

Sepanjang program tersebut berlangsung, JPN Negeri Selangor tidak ketinggalan juga dalam mendekati pengunjung terutamanya kepada guru yang hadir ke



pameran tersebut untuk mengetahui fungsi dan perkhidmatan yang ada di Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Selangor. Disamping itu, untuk menyalurkan maklumat dan informasi terkini secara interaktif dan inovatif melalui pameran peralatan manual untuk pemprosesan Mykad di pameran tersebut ketika sebelum wujudnya teknologi moden.

LAWATAN DATO' KPPN KE JPN NEGERI SELANGOR

Selangor • 1 November

Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Selangor telah menerima kunjungan rasmi lawatan kerja dari YBhg.Dato' Haji Mohammad Razin Bin Abdullah, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara Malaysia dan turut serta dalam lawatan tersebut ialah Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (Pengurusan) Tuan Haji Mohamad Khir Bin Mat Lazim.

Kehadiran beliau telah disambut oleh Tuan Pengarah JPN Negeri Selangor serta pegawai-pegawai kanan serta Ketua Bahagian dan Ketua Pejabat daerah/cawangan.

Ketika taklimat berlangsung di bilik mesyuarat ,beliau telah menyampaikan amanat kepada para pegawai dan kakitangan JPN Negeri Selangor. Disamping itu, beliau sempat meluangkan masa melawat ke kaunter urusniaga dan beramah mesra dengan kakitangan dan pelanggan JPN Negeri Selangor.

Dikesempatan itu juga, beliau telah melawat ke UTC Selangor dan telah diberikan taklimat ringkas oleh Ketua Pejabat UTC Selangor, Encik Mohd Zaidi Bin Ibrahim.



PELEPASAN ATLET JPN NEGERI SELANGOR



Selangor • 16-18 November

Sempena Simposium Sukan JPNM 2018 yang diadakan di Universiti Teknikal Malaysia (UTEM) Melaka pada 16 hingga 18 November 2018 telah diadakan satu majlis penyerahan bendera dan baju jersi kepada kontinjen JPN Negeri Selangor yang telah disampaikan oleh Puan Nurul Azura Hana Binti Husin ,Timbalan Pengarah JPN Negeri Selangor.

Majlis Penyerahan tersebut berlangsung pada jam 9.00 pagi hingga 10.00 pagi bertempat di pekarangan lobi utama Plaza Masalam, dimana Puan TPPN telah memberikan kata-kata semangat untuk semua kontinjen JPN Negeri Selangor yang terlibat.

Tujuan SUPMA 2018 ini diadakan adalah bagi mengalakkan lagi para pegawai dan kakitangan JPN Negeri Selangor dalam memupuk semangat kesukanan dikalangan warga JPN seluruh Malaysia



SERAH SIJIL KEMATIAN ANGGOTA BOMBA



Selangor • 9 Oktober

Pegawai Kanan Bomba telah hadir ke Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Selangor untuk mendaftarkan kematian salah seorang anggota Pasukan Penyelamat Dalam Air (PPDA) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang terkorban lemas semasa operasi mencari dan menyelamat seorang remaja berusia 17 tahun yang telah terjatuh di lombong di Taman Putra Perdana, Puchong.

Pengarah JPN Negeri Selangor iaitu Encik Zahrollail Bin Zainal telah menyerahkan sijil kematian tersebut kepada Pegawai Kanan Bomba dan disamping ucapan takziah bagi pihak Warga Kerja JPN Negeri Selangor.

SERAH SIJIL KEMATIAN ANGGOTA BOMBA

Selangor • 16 Oktober

Satu lawatan Audit Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan telah hadir Ke Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Selangor pada 16 Oktober 2018. Pasukan audit tersebut telah diketuai oleh Encik Velu Murugan a/l Ramasamy dan dibantu oleh Puan Zarina Binti Jamaron dari Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

Tujuan lawatan diadakan adalah untuk memastikan keselamatan pekerja dan juga persekitaran pejabat sentiasa berada dalam keadaan selamat dan terkawal. Selain itu, keselamatan dokumen juga

KARNIVAL KEBUDAYAAN ORANG ASLI



Selangor • 20 Oktober

Karnival Kebudayaan dan Kesenian Orang Asli 2018 telah diadakan di Perkampungan Orang Asli Sg. Rasau Hilir, Puchong pada 20 Oktober 2018 (Sabtu). YAB Tuan Amiruddin Bin Shari iaitu Menteri Besar Selangor telah merasmikan karnival tersebut.

JPN Negeri Selangor turut menyertai karnival dengan mengadakan pembukaan kaunter pameran bagi memberikan pendedahan pentingnya mempunyai dokumen pengenalan diri kepada masyarakat orang asli.

Pelbagai aktiviti kemasyarakatan serta program menarik telah diadakan bersama masyarakat


Orang Asli yang turut disertai oleh pelbagai jabatan/agensi yang dijemput bagi memeriahkan karnival pada hari itu.

Pengunjung yang hadir dihiburkan lagi dengan tarian sewang masyarakat orang asli dirungi dengan alatan muzik Centong yang diperbuat daripada buluh dan kayu. Melalui program sebegini orang ramai dapat melihat keunikan dan keistimewaan yang terdapat dikalangan masyarakat orang asli kepada masyarakat umum.



dititikberatkan dalam memastikan setiap dokumen disimpan dalam keadaan teratur dan sistematik.

Mesyuarat pembukaan dan penutupan lawatan telah dipengerusikan oleh Tuan Pengarah JPN Negeri Selangor iaitu Encik Zahrollail Bin Zainal dan turut disertai oleh pegawai – pegawai yang terlibat dengan audit berkenaan.



ASPIRASI NEGERIKU



Selangor • 10 Disember

JPN Negeri Selangor sekali lagi telah hadir ke konti Radio Selangorfm untuk Program Aspirasi Negeriku .

Program tersebut bermula pada jam 10.15 pagi hingga 10.45 pagi dimana Puan Deepa A/P Krishnasamy selaku ketua Bahagian Perkahwinan dan Penceraihan telah ke udara untuk menyampaikan topik kali ini mengenai "Pendaftaran Perkahwinan Di Jabatan Pendaftaran Negara".

Dengan adanya kerjasama sebegini, Radio Selangorfm dapat menjadi medium perantaraan Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Selangor bersama pendengar diluar sana dalam menyalurkan informasi terkini dan berkesan.

OUTREACH KARNIVAL INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR) DUN KUANG



Selangor • 29 Disember

Satu Karnival Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) anjuran Pusat Khidmat Peduli Rakyat Dun Kuang dengan kerjasama Pertubuhan Kecil Bumi Malaysia telah diadakan pada 29 dan 30 Disember 2018 (Sabtu dan Ahad) bermula pada jam 7.30 pagi sehingga 11.00 malam bertempat di Puteri Central Park (PCP), Bandar Tasik Puteri, Rawang Selangor.

Program tersebut telah dirasmikan oleh YB Tuan Sallehudin Bin Amiruddin, DUN Kuang turut serta juga Dato' Azman Bin Yaakob, Ketua Sekretariat DUN Kuang Ahli Majlis Zon 19 dan Morzailan Ismail selaku Timbalan Ketua Sekretariat DUN Kuang.

JPN Selangor telah membuka kaunter pameran bersama beberapa agensi kerajaan yang lain di karnival tersebut. Sepanjang karnival berlangsung, gerai JPN Negeri Selangor mendapat sambutan menggalakkan.

SUKAN DALAMAN MADAH

Terengganu • 10 Oktober

Hari Bertemu Pelanggan telah diadakan di Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu Tingkat 2, Wisma Persekutuan Kuala Terengganu pada 10 Oktober 2018 (Rabu), bermula jam 9.00 pagi sehingga 1.00 petang. Pelbagai pertanyaan mengenai urusniaga utama Jabatan seperti Kad Pengenalan, Kelahiran Kematian dan Anakangkat diajukan oleh pelanggan yang datang.

Terengganu • 10 Oktober

Sukan Dalaman Madah telah diadakan pada Oktober 2018 di UTC Terengganu yang di sertai oleh 25 orang kakitangan JPN Negeri Terengganu. Antara sukan yang dipertandingkan ialah Ping Pong, Dart, Badminton, Congkak, Batu Seremban dan Carom. Program ini bermula seawal 8.00 pagi dan selesai pada jam 4.00 petang dengan sesi penyampaian hadiah kepada pemenang oleh Penolong Pengarah JPN Negeri Terengganu, E Saipul Bahari bin Sulaiman.

OPERASI BERSEPADU

Terengganu • Oktober

Operasi ini dijalankan oleh Jabatan Imigresen Negeri Terengganu dan dibantu oleh Bahagian Siasatan & Penguatkuasaan Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu. Seramai 3 orang wakil dari Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu telah menyertai operasi tersebut yang terdiri daripada 1 orang Penolong Pegawai Pendaftaran, 1 orang Pembantu Pendaftaran dan 1 orang pemandu. Program ini bermula pada jam 09.00 pagi bagi sesi taklimat dalaman di Kuarters Jabatan Imigresen Negeri Terengganu.

TEMU MESRA JPN BERSAMA AGENSI & MEDIA

Terengganu • 2 Disember



Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu telah mengadakan Majlis Temu Mesra Bersama Agensi dan Media pada 2 Disember 2018 di Dewan Zamrud, Hotel Permai Kuala Terengganu. Majlis ini dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara YBhg. Dato' Mohammad Razin bin Abdullah. Turut hadir sama di majlis ini ialah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Datuk Jasri Bin Kasim, Pengarah Bahagian Kad Pengenalan, Encik Badrul Hisham bin Alias. Pelbagai wakil Agensi dan media yang dijemput semasa majlis temu mesra ini antaranya ialah daripada IPK Negeri Terengganu, Hospital NurZahirah Kuala Terengganu, Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Agama, Penolong Pendaftar Perkahwinan, Data Sonic, RTM Terengganu, NSTP, Berita Harian, Metro.

KEMPEN E-PAYMENT

Terengganu • 2 Disember

Pelancaran Pelaksanaan Kempen E-Payment telah diadakan pada 4 Disember 2018 di Jabatan Pendaftaran Negara Cawangan UTC Terengganu yang dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara YBhg. Dato' Mohammad Razin bin Abdullah yang hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah JPN, Datuk Jasri Bin Kasim dan Pengarah JPN Terengganu, Encik Mohamad Nasir Bin Kareem.

Tujuan kempen ePayment dilaksanakan adalah untuk memudahkan orang ramai berurusan di kaunter tanpa perlu membayar secara tunai. Perkhidmatan ePayment ini merupakan inisiatif penambahaikan yang disediakan kerajaan khususnya JPN untuk memudahkan para pelanggan berurusan tanpa perlu membawa wang tunai sebaliknya menggunakan kad debit Maybank atau kad kredit Public Bank.



SESI AMANAT BERSAMA PEGAWAI LANTIKAN BAHRU

Sabah • 18 Oktober

YBrs. Tuan Mohamad Khir Bin Mat Lazim telah mengadakan lawatan kerja yang pertama ke JPN Negeri Sabah pada 10 hingga 13 Oktober 2018. Beliau telah membuat lawatan ke pejabat JPN Kota Kinabalu Sabah, JPN Daerah Ranau, JPN Daerah Telupid, dan JPN Daerah Sandakan. Disamping itu, beliau juga turut menyampaikan sesi amanat kepada pegawai lantikan baharu Gred KP19 dan menyaksikan upacara angkat sumpah serta menyampaikan surat penempatan bertugas kepada pegawai lantikan baharu tersebut.



KUNJUNGAN HORMAT YB. PUAN JANNIE LASIMBANG



Sabah • 25 Oktober

YBhg. Datuk Ismail Bin Ahmad, Pengarah JPN Negeri Sabah telah menerima kunjungan hormat daripada YB. Puan Jannie Lasimbang pada 23 Oktober 2018 (Selasa) Jam 2.30 petang bertempat di Bilik Mesyuarat Anggerik, Aras 5, JPN Kota Kinabalu. Tujuan kunjungan hormat tersebut diadakan adalah bagi membincangkan isu kad pengenalan dan kewarganegaraan

penduduk di dalam Negeri Sabah. Selain itu, YBhg. Datuk Ismail Bin Ahmad juga turut memberi penerangan berkaitan urusniaga yang dijalankan di kaunter Jabatan Pendaftaran Negara, prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi dan juga undang-undang yang diguna pakai oleh Jabatan Pendaftaran Negara khususnya JPN Negeri Sabah dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan yang datang berurus di kaunter JPN.

PAMERAN TAMU BESAR

Sabah • 10 November

JPN Sabah telah dijemput oleh Majlis Perbandaran Daerah Kota Belud untuk menyertai pameran sempena Tamu Besar Daerah Kota Belud Tahun 2018 pada 27 dan 28 November 2018 yang bertempat di Tamu Mingguan Kota Belud. Acara tersebut dirasmikan oleh YB. Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah merangkap ADUN N7 Kadamaian. JPN Sabah menyediakan bahan-bahan pameran serta memberi khidmat nasihat kepada pengunjung yang datang ke booth pameran JPN Sabah. Acara tersebut bermula pada jam 7.00 pagi dan berakhir pada jam 5.00 petang bagi kedua-dua hari tersebut dan menerima ramai kunjungan daripada pelanggan yang mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai yang bertugas.



PESTA KUBIS SABAH

Sabah • 10 November

Sempena Pesta Kubis Sabah Tahun 2018 yang diadakan pada 7 hingga 8 Disember 2018 (Jumaat dan Sabtu) di Perkarangan Kedai SEDCO Pekan Kundasang, JPN Sabah telah dijemput untuk mengadakan pameran. Seramai 4 orang kakitangan dari Ibu Pejabat JPN Sabah dan 3 orang kakitangan dari pejabat daerah JPN Ranau terlibat dengan pameran tersebut. Pesta Kubis Tahun 2018 itu telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie Bin Haji Apdal, Ketua Menteri Sabah.

PERHIMPUNAN BULANAN NOV / DIS



Sarawak • 4 November

Perhimpunan Bulanan Nov 2018 telah diadakan pada 4.11.2018 di Bilik Amanah JPNS. Amanat disampaikan oleh Pengarah JPNS, Tuan Jasni Bin Hj. Jubli.

Antara pengisian program ialah Sambutan Hari Lahir bagi Kakitangan yang lahir pada bulan November & Disember. Simbolik memotong kek secara beramai-ramai juga dilakukan. Selain itu juga, majlis penyampaian Piala Supma yang

diraih sewaktu Supma 2018 yang berlangsung di Melaka. Kontigen Sarawak berjaya melakar sejarah baru di bumi penuh sejarah apabila berjaya membolot 4 piala kejuaraan dan sekaligus melayakkan kontigen Sarawak menduduki tempat Naib Johan bagi keseluruhan Supma 2018.

Kontigen Sarawak mengunci kedudukan Juara untuk sukan bola tampar, boling, dan batu seremban. Manakala bagi badminton mendapat kedudukan tempat kedua dan bagi karom dan congkak masing-masing

menyumbang kedudukan tempat ketiga.

Pada tahun ini juga, Jpn Sarawak melakar sekali lagi sejarah dengan kemenangan yang diraih melalui Anugerah Perkhidmatan Pelanggan peringkat Negeri Sarawak dengan kedudukan Juara dan memenangi hadiah RM 12,000. Syabas dan kudos untuk warga JPN Sarawak atas kemenangan diperolehi.

PROGRAM MENYEMAI KASIH RAKYAT MEKAR



Sarawak • 26-27 Oktober

Pasukan Petugas Khas (PPK), Unit Khas Bergerak JPN (UKB) Bintulu dan Miri, serta TV3 telah membuat lawatan ke perkampungan Penan di Daerah Bintulu. Antara aktiviti yang telah berlangsung sepanjang program adalah seperti penyerahan dokumen, penerimaan permohonan, sesi perkongsian perbincangan isu-isu semasa serta aktiviti-aktiviti santai bersama masyarakat Penan di Sg. Linau yang bertujuan untuk merapatkan hubungan dengan masyarakat di kawasan pedalaman

dan memudahkan mereka berurusan dengan JPN.

Program MEKAR ini adalah siri ke-5 program yang telah diadakan di kawasan Belaga, selepas Metalun, Tegulang, Penan Talun dan Long Urun. Kawasan penempatan Penan ini mengambil masa lebih kurang 8 jam daripada Bandar Bintulu dan 4 jam melalui jalan balak. Perjalanan dari Perkampungan Penan Long Tanyit ke Perkampungan Penan Long Kajang adalah melalui sungai selama 30 minit.



PROGRAM MOBILE EHSAN JPN JOHOR

Johor • November

Sepanjang bulan November 2018 sebanyak empat (4) Program Mobile Ehsan telah diselesaikan oleh pasukan Unit Mobile Ehsan JPN Johor di mana program ini dibuat berdasarkan permintaan daripada orang awam bagi memproses *MyKad* bagi Orang Kelainan Upaya (OKU), warga emas serta mereka yang mengalami kesukaran untuk hadir ke pejabat JPN serta pendaftaran lewat kelahiran dan kad pengenalan. Tujuannya juga adalah untuk meringankan beban pemohon yang tidak berkemampuan. Antara kawasan yang terlibat adalah di sekitar Segamat, Pasir Gudang, Ulu Tiram, Mersing, Tangkak dan Pontian.



JPN KELANTAN TURUN PADANG BANTU 3 ANAK TIADA SIJIL LAHIR

Kelantan • 13 Disember

Berkait aduan Utusan Malaysia Bertarikh 13/12/2018 (Khamis) "3 anak tiada sijil lahir" Pejabat Perkhidmatan Pelanggar bersama-sama Bahagian Kelahiran, Kematian Dan Anakangkat JPN kota Bharu telah turun untuk mengenalpasti permasalahan sebenar dan telah mengambil maklumat melalui temubual.

Pengadu merupakan seorang OKU (Fizikal) dan bekerja mengambil upah menjual buah-buahan serta sayuran di hadapan rumah.

Akibat kekangan kewangan, pengadu tidak mampu untuk membayar denda/proses di Mahkamah Syariah kerana perkahwinan berlaku di Thailand dan menyebabkan pemohon belum memohon pendaftaran sijil lahir.

Tambahan itu, Sijil Kahwin Thailand tersebut telah hilang dan proses membuat cabutan sijil perkahwinan mereka telah dibuat.

Lebih merumitkan, ibu anak tersebut adalah seorang warganegara Indonesia dan sekarang berada di dalam tahanan Penjara Pengkalan Chepa dan akan dibicarakan pada 20 Disember 2018 di Mahkamah Pasir Mas atas tuduhan Passport telah tamat tempoh.

Pendaftaran dilakukan dengan merujuk kepada dokumen pembuktian kelahiran ketiga-tiga anak pengadu sahih yang masih berada bersama dengan bapa.

Pihak JPN Kota Bharu telah menasihatkan pengadu agar melengkapkan borang permohonan Daftar Lewat Sijil Beranak (DLSB) untuk tindakan seterusnya dan telah membuat temuanji untuk menyerahkan dokumen-dokumen DLSB.

Proses DLSB kepada ketiga-tiga anak tersebut dan sekiranya diluluskan pendaftaran sijil lahir ketiga-tiga anak tersebut akan diberi

taraf 'BUKAN WARGANEGARA' dan menasabkan kepada 'ABDULLAH' terlebih dahulu dan akan menasihatkan supaya dibuat pindaan dibawah perkara 27(3) setelah Sijil Perkahwinan yang sah daripada Pejabat Agama Islam Kelantan diterima.




PERKHIDMATAN MOBILE EHSAN KAD PENGENALAN DI KUALA KANGSAR, PERAK

Perak • 04 November

Sinonim dengan slogan 'Rakyat di Hati JPN', Team Mobile Kad Pengenalan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Negeri Perak telah menjalankan perkhidmatan Mobile Ehsan di Kuala Kangsar, Perak iaitu di kediaman Puan Hajah Binti Mohd Shaari iaitu seorang OKU yang memerlukan gantian kad pengenalan untuk memohon bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Menurut ahli keluarga Puan Hajah Binti Mohd Shaari, mereka amat berterima kasih kepada pihak JPN Perak kerana membantu mereka dalam membuat gantian kad pengenalan dan ini sedikit sebanyak mengurangkan beban keluarganya.



MOBILE EHSAN SEKITAR RAWANG, SG.CHOH DAN SHAH ALAM



Selangor • 23 Disember

Team Unit Mobile JPN Negeri Selangor telah turun ke beberapa lokasi untuk memberikan perkhidmatan mobile ehsan kepada warga negeri Selangor bertempat di sekitar Rawang,Sg.Coh dan Shah Alam.

Permohon tersebut melibatkan OKU dan warga emas bagi membantu insan-insan yang terlantar sakit. atau uzur .Ini adalah salah satu usaha untuk memastikan semua rakyat Malaysia memiliki dokumen pengenalan diri yang terkini.

buletin

Majalah Rasmi Jabatan Pendaftaran Negara



TERBITAN
Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Pendaftaran Negara